

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	A thousand years of science	The Star
2.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Ahad	BERNAMA
3.	Kesan El Nino di Semenanjung Malaysia pada hujung tahun atau awal tahun hadapan	BERNAMA
4.	Amaran laut bergelora di perairan Selat Melaka	Sinar Harian
5.	Clear skies, but for how long?	The Malay Mail
6.	Strong winds, turbulent seas until Sunday	The Malay Mail
7.	Jangan buat sebarang andaian kes rompakan diesel – APMM	BERNAMA
8.	Usul gantung anggota parlimen Padang Serai selama enam bulan dibentang esok	BERNAMA

A thousand years of science

History of Muslim Civilisation brought to life at award-winning exhibition

MORE than 60,000 people have visited the award-winning 1001 Inventions exhibition at the National Science Centre in Kuala Lumpur.

The exhibition, which has welcomed more than five million guests on its travels across the globe, will be ending its Kuala Lumpur residency on June 30.

Voted the world's best touring exhibition by the Museum and Heritage Excellence Awards in London in 2011 and uncovering 1,000 years of science and technology in Muslim Civilisation, the event had already received twice the number of expected visitors since it opened to the Malaysian public in late 2013.

The event productions highlight the achievements made by inspirational men and women from various religions and cultures who worked together in Muslim Civilisation to achieve breakthroughs that helped create the foundations of our modern world.

Organised by Kuala Lumpur-based Science Discoveries Sdn Bhd (SD) in partnership with the National Science Centre, this event in Malaysia features a diverse range of exhibits, interactive displays and dramatisations and shows how modern inventions, spanning

fields such as Engineering, Green energy, Mathematics, Medicine and Architecture can trace their roots back to Muslim Civilisation.

SD operations director Oh Seong Keat said: "1001 Inventions is a powerful educational tool that brings the history of Muslim Civilisation to life in high-tech, exciting and engaging ways that will appeal to school children and adults alike.

The exhibition is open daily (except Fridays) from 9am to 5pm and admission is RM20 for adults and RM15 for children. A package price for family is RM60 (2 adults + 2 children). Students (above 17 years with student ID) and senior citizens will be charged RM15 each. Group packages are also available.

The exhibition is scheduled to open in Kuala Terengganu in August for two and half months.

The exhibition is sponsored by Axiana Group Berhad and supported by the Ministry of Tourism, Tourism Malaysia, the Ministry of Education and Science, Technology and Innovation Ministry.

For details, call 03-7804 5122, 010-403 1001 or email to info@1001inventions.com.my.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Tiupan angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) di kawasan perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Kudat serta pantai barat di Sabah diramal berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan Rabu berkata keadaan angin dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, keadaan cuaca sama dijangka melanda perairan Phuket, Selat Melaka utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Keadaan ini juga berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)



Kesan El Nino Di Semenanjung Malaysia Pada Hujung Tahun Atau Awal Tahun Hadapan

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kesan fenomena El Nino akan hanya mula dirasai di Semenanjung Malaysia pada hujung tahun ini atau awal tahun hadapan, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

[Pengarah Khidmat Korporat dan Komersilnya Dr Mohd Hisham Mohd Anip](#) berkata ia adalah disebabkan kedudukan Semenanjung yang terletak agak jauh dari Lautan Pasifik.

"Negara yang hampir dengan Lautan Pasifik seperti Indonesia dan Australia serta Sabah dan Sarawak mungkin akan mengalami kesan El Nino lebih awal berbanding Semenanjung Malaysia.

"Selain itu, kesan yang akan dirasai juga tidak dapat diramal dengan tepat kerana ia bergantung kepada tahap kekuatan El Nino tersebut, sama ada pada tahap lemah, sederhana atau kuat," katanya ketika menjadi tetamu dalam program bual bicara 'Dalam Radar' kendalian Radio 24 di Wisma Bernama di sini hari ini.

El Nino merujuk kepada pemanasan permukaan laut yang berlaku selama enam bulan berturut-turut dalam setiap dua hingga tujuh tahun di bahagian timur Lautan Pasifik.

Mengulas mengenai cuaca panas yang melanda negara sekarang, beliau berkata keadaan itu akibat Musim Monsun Barat Daya yang membawa kepada cuaca panas dan kurang taburan hujan selain kurang pembentukan awan bagi menghalang pancaran terik matahari.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 04
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

Amaran laut bergelora di perairan Selat Melaka

SHAH ALAM - Ramalan cuaca menyatakan lautan dijangka bergelora di semua kawasan meliputi perairan Selat Melaka utara bermula semalam sehingga Ahad ini.

Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Ambun Dindang berkata, pihaknya sudah mengeluarkan amaran laut bergelora bagi tempoh tersebut ekoran bacaan angin barat daya dan ombak yang mencecah paras 2.5 hingga 3.5 meter.

"Kadar bacaan itu sangat bahaya, malah kelajuan angin juga dijangka mencapai 40 ke 50 kilome-



ter sejam.

"Kawasan yang terlibat adalah di perairan sekitar Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah," katanya.

Beliau berkata, aktiviti laut tidak digalakkan dalam tempoh itu.

Bagaimanapun, katanya, ia ber�antung kepada pengusaha-pengusaha bot atau nelayan kerana setengah kapal atau bot besar

mampu berdepan ombak setinggi tiga meter.

"Kita tidak boleh halang aktiviti mereka dan maklumat (amaran gelora) yang kita beri hanya sebagai panduan," katanya.

Sementara itu, Ambun berkata, tiada amaran laut bergelora diluarkan di perairan Selat Melaka selatan meliputi kawasan Selangor, Johor Barat, Melaka dan Negeri Sembilan.

Katanya, bacaan paras ombak hanya sekitar 0.5 sehingga 1 meter, manakala angin dari tenggara dan selatan antara 10 dan 20 kilometer sejam.

Clear skies, but for how long?



Over the past three days, the Air Pollutant Index (API) readings have been increasing steadily, though not at an alarming rate. Sources from the Malaysian Meteorological Department say there is no danger to health, and air quality in the Klang Valley and Selangor is good to moderate. On Monday, the API readings in the Klang Valley were between 41 and 42, increasing to 49 to 50 on Tuesday and 56 to 58 yesterday. — Picture by Azinuddin Ghazali

**KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

Strong winds, turbulent seas until Sunday

KUALA LUMPUR — Strong winds and turbulent seas (category 1) have been forecast by the Malaysian Meteorological Department in the waters of Langkawi, Perlis, Kedah, Penang, Kudat and the west coast of Sabah until Sunday. The winds would be at speeds of 40 to 50kph and waves reaching 3.5m, which would be dangerous for small boats, and sea recreational activities and sports. Thunderstorms are also expected over the waters of Phuket and the north Malacca Straits. — Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)



Jangan Buat Sebarang Andaian Kes Rompakan Diesel - APMM

ALOR GAJAH, 18 Jun (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) meminta semua pihak agar tidak membuat sebarang andaian berhubung kes rompakan minyak diesel bernilai RM1.4 juta dari kapal 'MT Ai Maru' di 31 batu nautika timur Tanjung Sedili, Johor, Sabtu lepas.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) APMM Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar berkata pihaknya masih menjalankan siasatan sama ada kejadian itu adalah kes kecurian atau penyeludupan diesel seperti anggapan sesetengah pihak.

"Siasatan ini memerlukan masa dan sampel diesel terbabit telah dihantar ke makmal untuk diuji, dari mana ia dibawa," katanya kepada pemberita selepas majlis serah terima dua bot 'Rigid Hull Fenders' dari kerajaan Kanada di APMM Kuala Linggi di sini, pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan siasatan kapal tangki dengan 14 anak kapal berkenaan yang ditawan lanun dalam kejadian 8 malam itu.

Katanya APMM juga perlu menemubual secara terperinci anak kapal terbabit yang terdiri daripada pelbagai warga asing dengan bantuan juruhasa untuk mendapatkan maklumat berhubung kejadian itu.

Ahmad Fuzi berkata APMM telah menghantar beberapa bahan bukti termasuk sarung parang yang ditemui di kapal berkenaan ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis.

Beliau juga berkata pihaknya akan turut menyiasat sekiranya kejadian itu membabitkan pegawai atau anggota APMM dan pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat.

Terdahulu, Ahmad Puzi menerima dua buah bot berharga RM2 juta yang diserahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia Judith St. George kepada APMM bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama dan persefahaman dua hala antara Kanada dan Malaysia.

Beliau berkata bot sepanjang 12 meter itu akan ditempatkan di Daerah Maritim (DM) 4 Klang dan DM 5 Kuala Linggi bagi meningkatkan keupayaan penguatkuasaan khususnya untuk memerangi jenayah penyeludupan dan pemerdagangan manusia di perairan Selangor dan Melaka.

Sementara itu, Judith berkata penyerahan bot berkenaan merupakan antara inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri Kanada Stephen Harper ketika lawatannya ke Malaysia pada Oktober 2013 bagi kerjasama keselamatan.

"Bot-bot ini merupakan simbol perkongsian dan kerjasama kita yang semakin meningkat. Malaysia adalah rakan yang begitu penting dan terlibat dalam usaha memerangi penyeludupan migran," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 JUN 2014 (KHAMIS)



Usul Gantung Anggota Parlimen Padang Serai Selama Enam Bulan Dibentangkan Esok

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Usul menggantung Anggota Parlimen Padang Serai N. Surendran daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat selama enam bulan, akan dibentangkan di Parlimen esok.

Usul itu akan dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) susulan tindakan Surendran mengeluarkan kenyataan yang Parlimen gagal berfungsi dengan baik selain merendahkan martabat Dewan Rakyat.

Surendran didakwa membuat kenyataan itu dalam sidang media pada Isnin lepas, yang kemudiannya dilaporkan oleh beberapa media.

Dalam kenyataannya, Surendran mendakwa Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia sentiasa menolak apa-apa pertanyaan dan usul yang dikemukakan pembangkang.

Beliau juga mendakwa Parlimen gagal berfungsi dengan baik.

Semalam, Surendran dan Anggota Parlimen Kuantan dari PKR Fuziah Salleh diarahkan keluar Dewan dan digantung dua hari mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (2) kerana ingkar arahan Speaker semasa berdebat mengenai Lesen Pengendalian Semasa (TOL) Lynas.

Pada November tahun lepas, Surendran yang juga Naib Presiden PKR, telah digantung selama enam bulan atas kesalahan menghina Speaker.

-- BERNAMA